

**PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) KAEDAH  
CEPAT BACA AL-QURAN (KAEDAH CBQ) DALAM ANGKATAN  
TENTERA MALAYSIA (ATM)**

Mohamad Muntaha bin Haji Saleh  
[muntaha@upnm.edu.my](mailto:muntaha@upnm.edu.my)

Daud bin Mohamed Saleh  
Mohd Noor Azmi bin Zainol  
Amnah Saayah binti Ismail  
Mohd Syukri bin Zahari

*Universiti Pertahanan Nasional Malaysia*

**ABSTRAK**

Kaedah Cepat Baca Al-Quran (Kaedah CBQ) adalah satu modul yang digunakan dalam Angkatan Tentera Malaysia bagi meningkatkan tahap kemampuan membaca Al-Quran kalangan warga ATM. Pelaksanaannya telah bermula pada tahun 2007 di seluruh formasi dan pasukan dalam ATM. Justeru, penyelidikan ini dijalankan bertujuan bagi mengenalpasti pelaksanaan Kaedah CBQ dalam Angkatan Tentera Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif di mana data diperolehi melalui instrumen soal selidik. Tahap kebolehpercayaan instrumen soal selidik yang digunakan adalah sederhana tinggi dengan nilai Alpha Cronbach's 0.827. Seramai 148 orang responden daripada kalangan anggota tentera yang mengikuti kursus Kaedah CBQ telah terlibat. Data yang diperolehi melalui soalan kaji selidik ini dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 20.0 secara deskriptif dan inferensi bagi menyatakan status pelaksanaan Kaedah CBQ. Dapatan kajian ini menunjukkan pelaksanaan Kaedah CBQ berada pada tahap tinggi dengan nilai min 2.682. Dapatan kajian ini juga menunjukkan tiada permasalahan yang utama dalam pelaksanaan Kaedah CBQ. Hal ini menunjukkan Kaedah CBQ telah berjaya dilaksanakan dengan baik dan ia sangat sesuai dalam kalangan warga ATM.

**Kata Kunci:** *Angkatan Tentera Malaysia, Kaedah CBQ, Pelaksanaan*

**1. PENGENALAN**

Al-Quran merupakan kitab petunjuk dan panduan bagi seluruh manusia dan orang Islam khususnya. Di dalam al-Quran, petunjuk dan panduan dinyatakan dalam pelbagai bentuk seperti peraturan, suruhan, larangan, kisah, janji dan amaran. Allah berfirman yang bermaksud;

“Wahai sekalian manusia, sesungguhnya telah datang kepada kamu peringatan daripada Tuhanmu, perawat terhadap penyakit dalam hatimu, dan petunjuk serta sebagai rahmat buat orang-orang yang beriman”.

(Surah *Yunus*, 10: 57)

Oleh itu, mempelajari al-Quran merupakan amalan yang amat penting dalam Islam lantaran al-Quran merupakan sumber utama dan asas terpenting dalam pembinaan manusia pada aspek akidah atau keimanan, ibadah, akhlak atau personaliti, cara hidup dan tingkah laku seseorang serta *muamalat* (Al-Qaradawi, 1992).

Langkah pertama mengambil manfaat daripada al-Quran adalah dengan membacanya, kerana ia adalah ibadah yang sangat mulia dan mempunyai pelbagai kelebihan. Antaranya adalah dapat bersama para malaikat dan beroleh pahala sepertimana sabda Rasulullah S.A.W yang (Imam al-Bukhari, 1987: 4937):

"Orang yang mahir membaca al-Quran, akan bersama para malaikat yang mulia. Manakala orang yang berusaha membacanya walaupun dengan cara merangkak-rangkak dan menghadapi kesukaran, ia akan memperolehi dua pahala".

(*Al-Bukhari*)

Bahkan, mereka yang sibuk membaca al-Quran sehingga tidak sempat berdoa meminta sesuatu kepada Allah, Allah akan terus memenuhi keperluannya. Daripada Abi Saïd al-Khudri katanya, sabda Rasulullah S.A.W (Tirmidhi, 1990:2926 dan katanya hadis ini *Hasan Gharib*) :

"Allah telah berfirman; Barang siapa yang disibukkan dengan membaca al-Quran dan zikir kepadaKu, hingga tidak sempat meminta sesuatu daripadaKu, Aku akan berikan kepadanya apa yang terbaik yang Aku kurniakan kepada orang yang meminta. Dan keutamaan kalam Allah atas perkataan makhlukNya adalah seperti keutamaan Allah atas semua makhlukNya".

(*Tirmidhi*)

Justeru, persoalan boleh membaca al-Quran adalah sangat utama dalam masyarakat Islam. Setiap individu perlu tahu membaca al-Quran supaya boleh diamalkan semasa mengerjakan amal ibadah seperti sembahyang fardhu lima waktu, zikir al-Quran, dan lain-lain. Sehubungan dengan ini, pelbagai kaedah telah didapati wujud dalam masyarakat Islam Malaysia bagi membantu mempercepatkan seseorang dapat membaca al-Quran, termasuklah Kaedah CBQ dalam ATM yang mula dilaksanakan pada tahun 2006.

## **2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Al-Quran adalah sumber ilmu yang sebenar. Oleh kerana inilah Allah sangat menggalakkan hambaNya membaca dan mempelajari al-Quran. Melalui wahyu yang pertama, Allah menjelaskan bahawa aktiviti membaca merupakan asas utama dalam mencapai ketinggian ilmu pengetahuan. Bahkan jika difokuskan kepada al-Quran, ia akan menjadi dasar peningkatan ilmu, sepertimana firman Allah S.W.T yang bermaksud:

"Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku.

Bacalah, dan Tuhanmu yang amat pemurah. Yang mengajar manusia melalui pen dan tulisan”.

(Surah Al-‘Alaq, 87:1-4)

Menurut Abdul Halim El-Muhammady (1990), melalui catatan sejarah Islam, didapati Rasulullah S.A.W, para sahabat dan *tabiin* mempelajari al-Quran secara *syumul* atau menyeluruh yang merangkumi aspek-aspek membaca, menulis, menghafaz, memahami dan mengamalkan isi kandungannya. Diriwayatkan daripada Abu Abdul Rahman al-Sulami (Ahmad,t.th:466), bahawa beliau berkata;

“Kami hanya mempelajari membaca sepuluh ayat al-Quran, sebelum meneruskan bacaan pada sepuluh ayat berikutnya sehingga terlebih dahulu kami memperolehi ilmu daripadanya tentang halal haram dan suruhan serta tegahannya”  
(Ahmad)

Justeru, amalan membaca al-Quran perlu dipertingkatkan daripada satu budaya kepada satu amalan sunnah Rasulullah S.A.W. lantaran ia mempunyai pelbagai kelebihan dan keutamaan dalam Islam. Riwayat daripada Al-Barra’ bin Azib r.a (Imam al-Bukhari, 1987:5011) katanya;

“Ada seorang lelaki membaca surah al-Kahfi dan ia mempunyai seekor kuda yang diikat dengan dua utas tali, kemudian kelihatan awan melitupinya. Awan itu semakin mendekatinya lalu kuda tersebut lari menjauhinya. Setelah pagi tiba, lelaki tersebut bertemu Rasulullah S.A.W dan mengadu peristiwa tersebut, lalu Rasulullah S.A.W bersabda; “Itu adalah *sakinah* (ketenangan) yang turun berserta al-Quran atau yang diturunkan kepada al-Quran”.

(Al-Bukhari)

Haron Din (1992), menyarankan supaya usaha yang bersungguh-sungguh perlu dilakukan untuk membasmi buta al-Quran yang semakin hari semakin meluas. Ini selaras dengan objektif pendidikan Islam KBSM dalam mempertingkatkan kemahiran membaca, memahami, menghafaz dan menghayati al-Quran kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah. Apatah lagi galakan mempelajari al-Quran telah disebut secara jelas oleh Rasulullah S.A.W dalam hadith yang diriwayatkan oleh Usman bin Affan (Tirmidhi, 1990:45, 3154):

“Orang yang paling baik pada kalangan kamu ialah mereka yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya”

(Tirmidhi)

Kementerian Pertahanan Malaysia juga tidak ketinggalan dalam aspek ini. Dalam Arahan Pentadbiran Kor Agama Angkatan Tentera No. 5 iaitu sukatan Pendidikan Islam Angkatan Tentera Malaysia, terdapat objektif khusus bagi menimbulkan minat dalam kalangan anggota tentera untuk membaca al-Quran, memperbaiki mutu bacaan dan seterusnya memahami dan menghayati isi kandung al-Quran. Dalam Pengajian al-Quran dan Hadith mengandungi aspek-aspek persediaan dan panduan membaca al-Quran, pentafsiran ayat-ayat al-Quran dan Hadith serta menghuraikan hukum-hukum tajwid (Manual KAGAT, 97).

### **3 MASALAH KAJIAN**

Dalam laporan mengenalpasti Tahap Pendidikan Spiritual Anggota Angkatan Tentera Malaysia (TPSA ATM) yang dikeluarkan oleh Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera, menunjukkan masih terdapat kalangan warga ATM yang berada di tahap 1, iaitu buta al-Quran. Perkara yang sama dikeluarkan dalam statistik tahap kebolehan membaca al-Quran pasukan naungan markas ATM, iaitu terdapat seramai 2,401 orang yang berada di tahap 1 (Laporan KAGAT, 2011).

Menurut Burhanuddin (2010), sekiranya warga ATM tidak tahu membaca al-Quran, mereka akan menghadapi kesukaran untuk mendirikan solat. Bahkan, ia memungkinan warga ATM tidak berjaya mempertingkatkan nilai-nilai kerohanian mereka melalui aktiviti yang telah didoktrinkan dalam Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam ATM (DPMKI), seperti pengimarahkan masjid atau surau, pelaksanaan modul Pendidikan Islam Fardhu Ain (PIFA), modul Jasmani Emosi Rohani dan Intelek (JERI), Kaedah CBQ dan lain-lain.

Justeru, amat perlu dibuat kajian tentang pelaksanaan Kaedah CBQ dalam ATM, yang memperinci aspek koordinasi pelaksanaan kursus Kaedah CBQ. Sehubungan dengan ini, kajian ini diketengahkan bagi mengenalpasti pelaksanaan PdP Kaedah CBQ dalam ATM, dengan harapan ia dapat mempertingkatkan aspek pelaksanaannya dan memberi sumbangan dalam memangkin ramainya bilangan orang boleh membaca al-Quran dengan baik di Kementerian Pertahanan Malaysia.

### **4 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat terperinci berkaitan dengan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Kaedah CBQ dalam Angkatan Tentera Malaysia.

### **5. METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian yang dijalankan ialah satu kajian tinjauan menggunakan kaedah kuantitatif bagi menjawab semua persoalan kajian (PK). Data kuantitatif didapati menerusi borang kaji selidik untuk menganalisis dan mengenal pasti pelaksanaan PdP Kaedah CBQ kalangan warga Tentera Darat bawah naungan Empat Divisyen yang mengikuti kursus Kaedah CBQ.

Menurut Rohana (2004:193) pendekatan kuantitatif akan dilakukan ke atas sejumlah besar individu dengan menggunakan soalan yang berbentuk tertutup. Ia seterusnya akan diukur dalam bentuk nombor. Menurut Turkman (1970:173) data-data yang diperolehi melalui tinjauan (soal selidik) akan diterjemah dalam bentuk nombor (numerical) berdasarkan skala atau teknik statistik.

### **6. DAPATAN KAJIAN**

#### **6.1 Pelaksanaan Kaedah CBQ dalam ATM**

Analisis taburan pelaksanaan PdP Kaedah CBQ adalah berdasarkan persepsi responden yang diperolehi melalui soal selidik, yang menggunakan skala Likert lima mata iaitu sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS), kurang pasti (KP), setuju (S) dan sangat setuju (SS). Kajian

pelaksanaan Kaedah CBQ difokuskan kepada empat perkara, iaitu *talaqqi*, tempoh PdP selama 16 jam, bilangan pelajar dalam kelas, dan bacaan tasbih berirama.

**Jadual 6.1: Pelaksanaan PdP Kaedah CBQ**

	Min	Tahap
<i>Talaqqi</i>	3.2095	T
Tempoh 16 jam	2.3595	S
Bilangan terhad	2.8514	T
Tasbih berirama	3.1378	T

T:Tinggi, S:Sederhana, R:Rendah

Berdasarkan jadual 6.1 di atas, pelaksanaan *Talaqqi* berada pada tahap tinggi dengan mendapat min 3.2095. Pelaksanaan tasbih berirama juga berada pada tahap tinggi dengan min 3.1378. Demikian juga pelaksanaan kelas Kaedah CBQ dengan bilangan pelajar terhad yang berada pada tahap tinggi dengan min 2.8514. Manakala tempoh PdP selama 16 berada pada tahap sederhana dengan min 2.3595.

**Jadual 6.2: Tahap Pelaksanaan PdP Kaedah CBQ Secara Keseluruhan**

Jumlah	148
Min	2.6824
Sisihan Piawai	.48145

Berdasar jadual 6.2 tahap pelaksanaan PdP Kaedah CBQ bagi keseluruhan 148 orang responden pada empat perkara yang difokuskan adalah tinggi, iaitu dengan min purata 2.6824. Ini bermakna PdP Kaedah CBQ telah dilaksanakan secara baik. Bagi memperinci dapatan tersebut, seterusnya akan dipaparkan analisa setiap satu daripadanya.

### 6.1.1 Pelaksanaan *Talaqqi* dalam Kaedah CBQ

**Jadual 6.3: Pelaksanaan *Talaqqi* dalam Kaedah CBQ**

Item	Penyataan	Kekerapan & Peratus (N=148)							
		STS	TS	KP	S	SS	Min	SP	Tp
B1	Guru sahaja baca	-	1	3	65	79	3.47	.71	T

			0.7%	2.0%	43.9%	53.4%			
B2	Baca bersama guru	1	9	16	64	58	2.99	1.20	T
			0.7%	6.1%	10.8%	43.2%	39.2%		
B3	Murid sahaja baca	2	6	7	72	61	3.20	.94	T
			1.4%	4.1%	4.7%	48.6%	41.2%		
B4	Murid baca seorang diri	-	-	3	66	79	3.47	.70	T
				2.0%	44.6%	53.4%			
B5	Murid belajar 12 pelajaran	-	1	21	75	51	2.91	1.27	T
			0.7%	14.2%	50.7%	34.5%			

Tp: Tahap, T:Tinggi, S:Sederhana, R:Rendah

Berdasarkan jadual 6.3 di atas, semua item dalam bab *talaqqi* mendapat min yang berbeza antara satu dengan yang lain pada tahap tinggi. Namun Min tertinggi adalah dengan nilai 3.47 bagi item B1, iaitu guru memulakan bacaan sambil semua pelajar mendengar, dan B4 iaitu guru dengar murid baca seorang diri. Manakala min paling rendah adalah 2.91 bagi item kelima, iaitu murid mengikuti kesemua 12 pelajaran dalam kelas Kaedah CBQ.

Peratus responden yang sangat setuju guru memulakan bacaan kemudian murid ikut sebagai pelaksanaan Kaedah CBQ adalah 53.4%, dan setuju sebanyak 43.9%. kurang pasti 2.0%, tidak setuju 0.7%, dan tiada yang sangat tidak setuju. Peratus responden yang sangat setuju baca bersama guru sebagai pelaksanaan Kaedah CBQ adalah 39.2%, dan setuju sebanyak 43.2%. kurang pasti 10.8%, tidak setuju 6.1%, dan 0.7% sangat tidak setuju. Peratus responden yang sangat setuju murid baca beramai-ramai sebagai pelaksanaan Kaedah CBQ adalah 41.2%, dan setuju sebanyak 48.6%. kurang pasti 4.7%, tidak setuju 4.1%, dan 1.4% sangat tidak setuju. Peratus responden yang sangat setuju guru dengar murid baca seorang diri sebagai pelaksanaan Kaedah CBQ adalah 53.4%, dan setuju sebanyak 44.6%. dan kurang pasti 2.0%. Peratus responden yang sangat setuju murid ikut kelas semua 12 pelajaran sebagai pelaksanaan Kaedah CBQ adalah 34.5%, dan setuju sebanyak 50.7%. kurang pasti 14.2%, dan tidak setuju 0.7%.

### 6.1.2 Pelaksanaan Tempoh 16 Jam dalam Kaedah CBQ

**Jadual 6.4: Pelaksanaan Kaedah CBQ dalam Tempoh 16 jam**

Item	Pernyataan	Kekerapan & Peratus (N=148)							
		STS	TS	KP	S	SS	Min	SP	Tp
B6	16 jam memadai	-	5	28	78	37	2.65	1.37	S
			3.4%	18.9%	52.7%	25.0%			
B7	Tempoh setiap pelajaran memadai	-	8	20	86	34	2.77	1.20	T
			5.4%	13.5%	58.1%	23.0%			
B8	Perlu masa untuk ulang kaji	1	3	19	81	44	2.88	1.22	T
		0.7%	2.0%	12.8%	54.7%	29.7%			
B9	Guru terkejar-kejar	19	52	47	25	5	1.47	1.19	S
		12.8%	35.1%	31.8%	16.9%	3.4%			
B10	Tiga hari memadai	9	38	34	53	14	2.03	1.31	S
		6.1%	25.7%	23.0%	35.8%	9.5%			

Tp: Tahap, T:Tinggi, S:Sederhana, R:Rendah

Berdasarkan jadual 6.4 di atas, semua item dalam bab tempoh masa mendapat min yang berbeza antara satu dengan yang lain. Tiga daripadanya pada tahap sederhana, dan dua tinggi. Min tertinggi adalah dengan nilai 2.88 bagi item B8, iaitu murid memerlukan masa tambahan untuk ulag kaji. Manakala min paling rendah adalah 1.47 bagi item B9, iaitu guru terkejar-kejar untuk habiskan silibus Kaedah CBQ. Data ini bermaksud tempoh 16 jam adalah memadai. Namun keperluan masa tambahan untuk mengulang kaji merupakan suatu nilai tambah kepada keperluan asas tempoh masa PdP Kaedah CBQ.

Peratus responden yang sangat setuju tempoh belajar Kaedah CBQ selama 16 jam sebagai pelaksanaan Kaedah CBQ adalah 25.0%, dan setuju sebanyak 52.7%. Kurang pasti 18.9%, dan tidak setuju 3.4%. Peratus responden yang sangat setuju tempoh bagi setiap pelajaran memadai sebagai pelaksanaan Kaedah CBQ adalah 23.0%, setuju sebanyak 58.1%, kurang pasti 13.5%, dan tidak setuju 5.4%. Peratus responden yang sangat setuju perlu masa tambahan untuk ulang kaji sebagai pelaksanaan Kaedah CBQ adalah 29.7%, setuju sebanyak 54.7%, kurang pasti 12.8%, tidak setuju 2.0%, dan 0.7% sangat tidak setuju. Peratus responden yang sangat setuju guru dengan guru terkejar-kejar habiskan silibus sebagai pelaksanaan Kaedah CBQ adalah 3.4%, setuju sebanyak 16.9%, kurang pasti 31.8%, tidak setuju 35.1%, dan 12.8% memilih sangat tidak setuju. Peratus responden yang sangat setuju tempoh tiga hari memadai sebagai pelaksanaan Kaedah CBQ adalah 9.5%, setuju sebanyak 35.8%, kurang pasti 23.0%, tidak setuju 25.7%, dan 6.1% sangat tidak setuju.

### 6.1.3 Pelaksanaan Bilangan Pelajar Terhadap dalam Kaedah CBQ

**Jadual 6.5: Pelaksanaan Kaedah CBQ dalam Bilangan Pelajar Terhadap**

Item	Penyataan	Kekerapan & Peratus (N=148)							
		STS	TS	KP	S	SS	Min	SP	Tp
B11	Bolehkan saya fokus	2	4	18	72	52	2.93	1.23	T
		1.4%	2.7%	12.2%	48.6%	35.1%			
B12	Dapat perhatian	2	10	14	62	60	3.03	1.17	T
		1.4%	6.8%	9.5%	41.9%	40.5%		8	
B13	Murid dilibatkan dlm P&P	-	4	39	85	20	2.32	1.44	T
			2.7%	26.4%	57.4%	13.5%			
B14	Tidak malu berinteraksi	2	7	16	69	54	2.97	1.20	T
		1.4%	4.7%	10.8%	46.6%	36.5%			
B15	Selesa	-	1	14	88	45	3.01	1.08	T
			0.7%	9.5%	59.5%	30.4%			

Tp: Tahap; T:Tinggi, S:Sederhana, R:Rendah

Berdasarkan jadual 6.5 di atas, semua item dalam bab bilangan pelajar terhadap mendapat min yang berbeza antara satu dengan yang lain, dengan semuanya pada tahap tinggi. Min tertinggi adalah dengan nilai 3.03 bagi item B12, iaitu bilangan pelajar yang sedikit bolehkan guru beri perhatian kepada murid. Manakala min paling rendah adalah 2.32 bagi item B13, iaitu murid kerap dilibatkan semasa P&P.

Peratus responden yang sangat setuju Bilangan pelajar yg sedikit bolehkan saya fokus sebagai pelaksanaan Kaedah CBQ adalah 35.1%, dan setuju sebanyak 48.6%, kurang pasti 12.2%, tidak setuju 2.7%, dan 1.4% sangat tidak setuju. Peratus responden yang sangat setuju Bilangan pelajar yg sedikit bolehkan guru beri perhatian kepada saya sebagai pelaksanaan Kaedah CBQ adalah 40.5%, setuju sebanyak 41.9%, kurang pasti 9.5%, tidak setuju 6.8%, dan 1.4% sangat tidak setuju. Peratus responden yang sangat setuju Murid kerap dilibatkan semasa PdP sebagai pelaksanaan Kaedah CBQ adalah 13.5%, setuju sebanyak 57.4%, kurang pasti 26.4%, dan tidak setuju 2.7%. Peratus responden yang sangat setuju guru dengar bilangan pelajar yg sedikit jadikan murid tidak malu untuk berinteraksi sebagai pelaksanaan Kaedah CBQ adalah 36.5%, setuju sebanyak 46.6%, kurang pasti 10.8%, tidak setuju 4.7%, dan 1.4% sangat tidak setuju. Peratus responden yang sangat setuju murid selesadengan bilangan pelajar sebagai pelaksanaan Kaedah CBQ adalah 30.4%, setuju sebanyak 59.5%, kurang pasti 9.5%, dan tidak setuju 0.7%.



#### 6.1.4 Pelaksanaan Tasbih berirama dalam Kaedah CBQ

**Jadual 6.7: Pelaksanaan Kaedah CBQ dengan Tasbih berirama**

Item	Pernyataan	Kekerapan & Peratus (N=148)							
		STS	TS	KP	S	SS	Min	SP	Tp
B16	Belajar Tasbih	-	1	10	71	66	3.24	1.00	T
			0.7%	6.8%	48.0%	44.6%			
B17	Boleh baca Tasbih	-	1	21	76	50	2.91	1.27	T
			0.7%	14.2%	51.4%	33.8%			
B18	Baca ikut irama tasbih	-	1	18	78	51	2.97	1.20	T
			0.7%	12.2%	52.7%	34.5%			
B19	Tasbih membantu	-	-	11	72	65	3.36	.80	T
				7.4%	48.6%	43.9%			
B20	Tingkatkan fokus	-	1	5	73	69	3.24	1.00	T
			0.7%	3.4%	49.3%	46.6%			

Tp:Tahap; T:Tinggi, S:Sederhana, R:Rendah

Berdasarkan jadual 6.7 di atas, semua item dalam bab pelaksanaan Kaedah CBQ dengan tasbih berirama mendapat min yang berbeza antara satu dengan yang lain, dengan kesemuanya pada tahap tinggi. Min tertinggi adalah dengan nilai 3.36 bagi item B20, iaitu kerap bertasbih jadikan murid fokus. Manakala min paling rendah adalah 2.91 bagi item B17, iaitu murid boleh baca tasbih.

Peratus responden yang sangat setuju belajar tasbih berirama sebagai pelaksanaan Kaedah CBQ adalah 44.6%, dan setuju sebanyak 48.0%, kurang pasti 6.8%, dan tidak setuju 0.7%. Peratus responden yang sangat setuju murid boleh baca tasbih sebagai pelaksanaan Kaedah CBQ adalah 33.8%, setuju sebanyak 51.4%, kurang pasti 14.2%, dan tidak setuju 0.7%. Peratus responden yang sangat setuju boleh baca *A-Ba-Ta* dan lain-lain ikut irama tasbih sebagai pelaksanaan Kaedah CBQ adalah 34.5%, setuju sebanyak 52.7%, kurang pasti 12.2%, dan tidak setuju 0.7%. Peratus responden yang sangat setuju guru dengar tasbih berirama membantu sebagai pelaksanaan Kaedah CBQ adalah 43.9%, setuju sebanyak 48.6%, dan kurang pasti 7.4%. Peratus responden yang sangat setuju kerap bertasbih jadikan murid fokus sebagai pelaksanaan Kaedah CBQ adalah 46.6%, setuju sebanyak 49.3%, kurang pasti 3.4%, dan tidak setuju 0.7%.

## 7. RUMUSAN

### 7.1 Pelaksanaan Kaedah CBQ

Kajian ini menunjukkan bahawa Kaedah CBQ telah berjaya dilaksanakan dengan baik. Empat elemen utama dalam Kaedah CBQ iaitu *Talaqqi*, tempoh masa 16 jam, bilangan pelajar terhadap bagi setiap satu kelas dan pelajar dilatih dengan tasbih berirama, telah berjaya diikuti oleh pelajar dengan baik. Fakta ini berdasarkan kajian penyelidikan dengan menggunakan set soal selidik terhadap peserta kursus Kaedah CBQ di formasi Empat Divisyen. Min pelaksanaan adalah pada tahap tinggi.

#### 7.1.1 Pelaksanaan *Talaqqi* dalam Kaedah CBQ

Dapatan kajian ini menunjukkan semua item dalam bab *Talaqqi* Kaedah CBQ mendapat nilai min tahap tinggi, dan keseluruhan responden sangat setuju pelaksanaan *talaqqi* dengan guru memulakan bacaan sambil semua pelajar mendengar, serta guru dengar murid baca seorang diri. Manakala nilai min paling rendah dalam kategori tinggi adalah bagi item kelima, iaitu murid mengikuti kesemua 12 pelajaran dalam kelas Kaedah CBQ. Dapatan ini menunjukkan bahawa PdP Kaedah CBQ yang mempraktikkan tradisi pengajian Islam zaman silam, iaitu *talaqqi* sangat relevan untuk diteruskan.

Menurut Syed Nazaral (2011), *Talaqqi* adalah satu pendekatan belajar secara bersemuka antara guru dan murid, dengan melakukan *musyafahah* iaitu murid mendapat pelajaran dengan memerhati gerak mulut atau bibir guru, mendengar sebutan dan mengikutnya secara *tartil*. Teknik ini disebut Allah di dalam al-Quran;

“Dan Kami telah bacakan Al-Quran itu kepadanya (Muhammad) secara *tartil*  
(bertajwid)”  
(Surah *Al-Furqan*, 25:32)

Menurut al-Qaradawi (1992), pelaksanaan PdP al-Quran secara *talaqqi* telah dimulakan oleh Rasulullah S.A.W. Baginda mempelajari secara *talaqqi* (bersemuka) dengan Jibril a.s setiap kali berada dalam bulan Ramadhan. Justeru, ia diikuti oleh para sahabat r.a dan menjadi tradisi penyampaian ilmu dalam Islam yang utama sehingga hari ini. Bahkan baginda S.A.W pernah berpesan dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Amru bermaksud (Al-Bukhari, 1987; 4615);

“Ambillah al-Quran daripada empat orang, iaitu Abdullah bin Mas’ud,  
Ubai bin Ka’ab, Mu’az bin Jabal dan Salim pembantu abi Huzafah.”  
(*Al-Bukhari*)

Dapatan kajian ini juga selari dengan hasil kajian Mohd Aderi Che Noh (2004) tentang strategi pembelajaran al-Quran secara berguru akan menjamin peningkatan tahap pembacaan al-Quran yang lebih baik. Begitu juga hasil kajian ilmiah oleh Ab. Razak (1999), yang mendapati bahawa kelemahan pelajar dalam menguasai al-Quran adalah kerana mereka hanya bergantung kepada guru di sekolah semata-mata dan tidak mempelajari al-Quran secara berguru di rumah.

Kesimpulannya, pembelajaran al-Quran secara *talaqqi* hendaklah diteruskan dan tidak terhenti hanya di institusi formal sahaja seperti sekolah, malah perlu juga dilakukan dalam sesebuah institusi yang tidak formal seperti di rumah, dan sebagainya.

### 7.1.2 Pelaksanaan PdP Kaedah CBQ Dalam Tempoh Masa 16 Jam

Dua item dalam aspek tempoh masa memperoleh nilai min pada tahap tinggi, iaitu; murid memerlukan masa tambahan untuk ulang kaji dan tempoh belajar bagi setiap mata pelajaran adalah sesuai dan mencukupi. Manakala selebihnya tiga item pada tahap min sederhana adalah; guru terkejar-kejar untuk habiskan silibus, tempoh PdP Kaedah CBQ selama 16 jam dan mengambil masa selama tiga hari, adalah bersesuaian dan memadai.

Ini menunjukkan bahwa setiap pelajaran sewajarnya dilaksanakan mengikut tempoh masa tertentu, tanpa perlu murid atau guru terkejar-kejar supaya habis lebih awal. Menurut al-Razi (1989), sejurus setelah wahyu diturunkan kepada Rasulullah S.A.W, baginda segera menggerakkan lidah dan bibir mengikut bacaannya sehingga Allah S.W.T menegur tindakan baginda SA.W tersebut, lantas memberi jaminan kepada baginda kemampuan untuk menghafal al-Quran serta membacanya dengan betul. Hal ini diterangkan oleh Allah S.W.T melalui firmanNya:

“Janganlah engkau (wahai Muhammad) menggerakkan lidah engkau dengan Al-Quran supaya segera membacanya (ketika jibril sedang membacakannya kepadamu). Sesungguhnya Kami menghimpunkannya (dalam dadamu) dan (menetapkan) bacaannya (dilidahmu).”

(Surah *al-Qiyamah*, 75:16 dan 17)

Menurut Al-Buti (1991), ayat 16 dan 17 surah *al-Qiyamah* itu jelas menunjukkan bimbingan Allah S.W.T kepada Rasulullah S.A.W dalam aspek kaedah mempelajari al-Quran. Jibril a.s menonjol sebagai guru yang melaksanakan PdP tersebut kepada Nabi S.A.W. Baginda diminta supaya mendengar dan memerhatikan bacaan Jibril a.s. tanpa tergapah-gapah cuba mengikut bacaannya dengan segera. Sebaliknya baginda S.A.W hanya melafazkan bacaan al-Quran sejurus setelah Jibril a.s selesai membacanya. Pendekatan ini adalah yang terbaik dalam proses PdP al-Quran.

Sehubungan dengan ini, menurut Abd Razak (1988), antara punca kelemahan seseorang dalam penguasaan membaca al-Quran ialah masa yang diperuntukkan tidak mencukupi, murid terlalu ramai dalam satu kelas, guru tidak memberikan perhatian kepada semua murid, ayat-ayat yang digunakan dalam sukatan terlalu tinggi, murid tidak mempelajari al-Quran di rumah dan tidak ada kelas tambahan dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran.

### 7.1.3 Pelaksanaan PdP Kaedah CBQ Dengan Bilangan Pelajar Terhad

Pelaksanaan Kaedah CBQ dengan bilangan pelajar terhad memperoleh nilai min pada tahap tinggi. Min tertinggi adalah bagi item bilangan pelajar yang sedikit bolehkan guru beri perhatian kepada murid. Manakala min paling rendah adalah murid kerap dilibatkan semasa PdP.

Menurut Johnson & Johnson (1991), pelaksanaan pembelajaran dalam kumpulan kecil bagi mencapai sesuatu objektif yang dinamakan pembelajaran kooperatif, sangat berkesan. Ia amat sesuai untuk membiasakan para pelajar berkerjasama dalam kumpulan bagi mempelajari isi kandungan pelajaran secara berkongsi pelbagai kemahiran sosial kalangan mereka.

Dapatan ini menunjukkan perhatian guru kepada murid semasa pelaksanaan PdP Kaedah CBQ akan menghasilkan tumpuan murid terhadap pelajaran. Pada masa yang sama, murid merasa selesa, tidak malu untuk berinteraksi dalam kelas serta bersedia terlibat secara aktif dalam PdP Kaedah CBQ. Ini akan meningkatkan tahap pencapaian Kaedah CBQ.

#### 7.1.4 Pelaksanaan Tasbih berirama dalam PdP Kaedah CBQ

Pelaksanaan PdP Kaedah CBQ dengan kerap bertasbih mengikut irama tertentu didapati menjadikan murid fokus terhadap pelajaran. Justeru, dalam kajian ini, semua item yang berkaitan dengan tasbih berirama mendapat nilai min tahap tinggi. Manakala min paling rendah dalam tahap tinggi adalah murid boleh membaca tasbih.

Ini menunjukkan tentang kepentingan bertasbih dalam kehidupan seorang muslim. Dengan bertasbih, seseorang itu akan menjadikan dirinya dekat kepada Allah, yang sekaligus akan memudahkan segala aktivitinya, kerana akan sentiasa dibantu oleh Allah. Demikian juga dengan belajar al-Quran. Engkizar (2011) menyebut bahawa Rasulullah S.A.W amat memerlukan pertolongan Allah S.W.T dalam mempelajari al-Quran kerana ia sangat berbeza dengan ilmu-ilmu yang lain. Terdapat hadith Rasulullah S.A.W yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah dengan katanya, "Rasulullah S.A.W bersabda, (Al-Bukhari, 1987: 6137);

إِنَّ اللَّهَ قَالَ مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَدْ آذَنْتُهُ بِالْحَرْبِ وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُ عَلَيْهِ  
وَمَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبَّهُ فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ  
بِهِ وَيَدَهُ الَّتِي يَبْطِشُ بِهَا وَرِجْلَهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا وَإِنْ سَأَلَنِي لِأَعْطِيَنَّهُ وَلَئِنِ اسْتَعَاذَنِي لِأُعِيدَنَّهُ وَمَا تَرَدَّدْتُ عَنْ  
شَيْءٍ أَنَا فَاعِلُهُ تَرَدُّدِي عَنْ نَفْسِ الْمُؤْمِنِ يَكْرَهُ الْمَوْتَ وَأَنَا أَكْرَهُ مَسَاءَتَهُ

"Sesungguhnya Allah Ta'ala berfirman, 'Siapa yang memusuhi waliKu, maka aku umumkan peperangan terhadapnya. Tidak ada ibadah yang paling Aku sukai dari seorang hamba kecuali ibadah yang telah Aku wajibkan kepadanya. Seorang hamba yang selalu beribadah kepadaKu dengan perkara-perkara sunah, niscaya Aku akan mencintainya. Jika Aku telah mencintainya, maka Aku adalah pendengaran yang dengannya dia mendengar, Aku adalah penglihatan yang dengannya dia melihat, tangan yang dengannya dia memukul, dan kaki yang dengannya dia berjalan. Jika dia meminta kepadaKu, niscaya akan Aku berikan. Jika dia mohon perlindungan kepadaKu, niscaya akan Aku lindungi."

(Al-Bukhari)

Terdapat banyak hadith nabi S.A.W yang menerangkan kelebihan bertasbih, antaranya adalah daripada Samurah bin Jundub, ia berkata bahawa Rasulullah S.A.W bersabda, (Muslim, 1994: 2137);

“Ada empat ucapan yang paling disukai oleh Allah: *Subhanallah*, *Alhamdulillah*, *Laa ilaaha illallah*, dan *Allahu Akbar*. Tidak berdosa bagimu dengan mana saja kamu memulai”

(Muslim)

Oleh itu, pelaksanaan PdP Kaedah CBQ telah menetapkan penggunaan tasbih sebagai bacaan mendekatkan diri kepada Allah. Namun, ia dibaca dengan irama tertentu sebagai satu pendekatan, yang didapati berjaya memupuk semangat belajar kalangan murid. Dapatan ini selari dengan kajian Sofian dan Osman (2008) terhadap penggunaan muzik dan nyanyian dalam pengajaran dan pembelajaran, yang mendapati ia sangat berkesan, kerana ia boleh melengkapkan perkembangan otak kiri dan kanan yang menyebabkan otak lebih afektif dalam memproses maklumat. Demikian juga menurut Norlida Ahmad (2005), bahawa murid akan didorong untuk belajar dengan lebih berkesan dan bermanfaat melalui lagu.

## **8. IMPLIKASI KAJIAN**

### **8.1 Implikasi Dapatan Kajian**

Secara keseluruhannya kajian ini memberikan implikasi pada dua perspektif, iaitu perspektif teoretikal dan perspektif praktikal. Pada perspektif teoretikal dapat disimpulkan bahawa sumbangan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Hasil daripada kajian ini telah menambahkan lagi maklumat berhubung dengan pelaksanaan dan pencapaian Kaedah CBQ kalangan warga Tentera Darat Empat Divisyen khususnya, dan bagi Tentera Darat Malaysia pada keseluruhannya. Pelaksanaan PdP Kaedah CBQ yang telah mula dilaksanakan dalam ATM mulai tahun 2006, perlu diperkemas semula kerana PdP Kaedah CBQ sangat relevan untuk warga ATM, dan ia perlu diteruskan, bahkan wajar dipergiatkan lagi.
2. Segala penemuan yang diperolehi berkaitan teori ini diharap dapat digunakan untuk kebaikan ATM, supaya tanggungjawab KAGAT dalam melahirkan warga ATM mampu membaca al-Quran tanpa mengira latar belakang tahap pengajian Islam mereka sebelum memasuki perkhidmatan ATM dapat dilaksanakan dengan baik.
3. Seterusnya, kajian yang telah dijalankan ini boleh dimanfaatkan oleh Kementerian Pertahanan dan Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia terutamanya dalam menggubal dasar pendidikan ATM yang berhubung dengan Pendidikan al-Quran. Pelaksanaan aktiviti Islam yang memperuntukkan masa minimum 857 jam setahun (PMAT 9/91) perlu dimanfaatkan sepenuhnya, dengan mengadakan kursus-kursus yang melibatkan kemahiran al-Quran supaya tahap pencapaian bacaan al-Quran kalangan anggota tentera dapat dipertingkatkan.
4. Pelaksanaan PdP Kaedah CBQ telah mengambil kira aspek penugasan dan tanggungjawab warga ATM yang sangat berat dalam menjaga keamanan dan kestabilan negara. Justeru PdP Kaedah CBQ yang dibangunkan khas buat ATM wajar dimanfaatkan sepenuhnya, supaya usaha untuk meningkatkan pencapaian tahap bacaan al-Quran anggota tentera tidak terabai.
5. Para jurulatih Kaedah CBQ daripada kalangan warga Kor Agama Angkatan Tentera perlu diberi latihan secukupnya dan ditambah bilangannya supaya PdP

Kaedah CBQ dapat dilaksanakan di setiap pasukan, agar dapatan kajian Khairul Fauzi (2013:343) bahawa pelaksanaan PdP Kaedah CBQ kurang mendapat keutamaan di dalam pelaksanaan DPMKI, dapat diselesaikan.

Daripada perspektif praktikal pula, dapat disimpulkan bahawa sumbangan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Instrumen kajian ini diharap boleh digunakan oleh pihak KAGAT dan Tentera Darat untuk mengukur tahap pelaksanaan PdP Kaedah CBQ dan mengenalpasti permasalahan yang menjadi faktor ia dipandang negatif atau semakin dipinggirkan.
2. Membantu KAGAT menangani permasalahan buta al-Quran dalam kalangan warga ATM, dengan hanya memanfaatkan tempoh waktu 857 jam yang telah diperuntukkan melalui PMAT 9/91.
3. Kajian ini telah menganalisis dua permasalahan utama yang menjadi cabaran pelaksanaan PdP Kaedah CBQ dalam ATM. Justeru ia perlu diambil perhatian untuk tindakan seterusnya oleh pihak KAGAT dan ATM.

## RUJUKAN

- Abdullah Basmeih (Cetakan kedua belas 2001). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Dar Al-Kitab, Malaysia.
- Abdul Halim El-Muhammady (1990). *Al-Quran dan Pembelajarannya di Malaysia*. Jurnal Pendidikan Islam, Jilid 3 Bil. 3 Dis. 1990.Selangor : ABIM.
- Abdul Razak Ahmad (1999). *Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah Dari Segi Etnik Dan Lokasi Sekolah*. Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ahmad bin Hambal. t.th. *Musnad Ahmad*. Beirut: Dar Sadir.
- An-Nawawi (1990). *Sahih Muslim bi Syarhin al-Nawawi*. Beirut. Dar al-Kutub al-ilmiyah.
- Al-Bukhari. Abu Abdillah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim al-Ja'afi al-Bukhari (1407H/1987). *Al-Jami' al-Sahih*. Khaherah. Dar al-Rayyan.
- Al-Buti. Mohamed Said Ramadan (Cetakan ke-10, 1991). *Fiqh Al-Sirah Al-Nabawiyah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Muasir.
- Al-Razi. Al-Imam Fakhruddin Muhammad bin Umar al-Razi (1990). *Al-Tafsir al-Kabir Au Miftah al-Ghaib*. Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyah. Jilid 2. Ms 22.
- Al-Qaradhawi, Yusof (1980). *Pendidikan Islam dan madrasah Hassan al-Banna*. Terj. Bustani Abd Ghani & Zainal Abidin Ahmad. Jakarta: Bulan Bintang.
- Al-Qaradhawi, Yusof (1985). *Iman dan Kehidupan*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar
- Al-Qaradhawi, Yusof (1992). *Al-Marjaiyyatul 'ulya fil Islam lil Quran wassunnah*. Mesir. Maktabah al-Wahbah
- Al-Tirmidhi. Abu Isa Muhammad bin Isa (1410H/1990). *Jami' Al-Tairmidhi fi tuhfah al-Ahwadhi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Islamiah
- Burhanuddin Jalal (2010). *Penghayatan Islam dalam Kalangan Anggota Angkatan Tentera Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Engkizar Sid. SPd.1 (2011). *Konsep Pengajaran dan Pembelajaran Membaca Al-Quran dalam Pendidikan Islam*. Fakulti Pendidikan UKM.

- Johnson, d.W., & Johnson, R.T (1991). *Learning together and alone : Cooperative, Competitive and Individualistic Learning* (3<sup>rd</sup> Ed), Upper Saddle River, NJ: Prentice-Hall.
- Kementerian Pertahanan Malaysia (1997). *Manual Etika dan Prosedur Pelaksanaan Tugas. Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT)*. Kuala Lumpur
- Khairul Fauzi Azmi (2013). *Perkhidmatan Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam (DPMKI): Masalah dan Cabaran Pelaksanaannya di Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT)*. UKM. Tesis Doktor Falsafah Pengajian Islam.
- Laporan Mengenal pasti Tahap Pendidikan Spiritual Anggota ATM. Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (2011), Kuala Lumpur.
- Mohd Aderi Che Noh (2004). *Celik Al-Quran di Kalangan Pelajar Tingkatan Satu di Zon Pudu Kuala Lumpur*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Projek Penyelidikan Fakulti Pendidikan.
- Muslim bin Hajjaj (1414H/1994). *Al-Jami' Al-Sahih Li hujjatil Islam Abil Husain Muslim bin Hajjaj*. Riyadh; Maktabah Al-Mu'aid.
- Perintah Majlis Angkatan Tentera Malaysia Bilangan 9 Tahun 1991 (PMAT 9/1991). *Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam dalam Angkatan Tentera Malaysia. (DPMKI)*. Kuala Lumpur: Markas ATM, KEMENTAH.
- Syed Nazaral Ihsan bin Syed Azuddin (2011). *Apakah itu 'Talaqqi' dan 'Musyafahah' dalam blog Quranic Home Based*. [www.infitahhometuition.com/i](http://www.infitahhometuition.com/i)